



BIL :

**Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (23)**

**Tarikh: 11 April 2023**

## **INSIDEN SEMASA OPERASI PENANGKAPAN ANJING LIAR DI KAWASAN TAMAN KANAGAPURAM, SEKSYEN 18, PETALING JAYA PADA 22 MAC 2023.**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) pada 25 Februari 2023 telah menerima aduan daripada orang awam bahawa beliau telah dikejar dan hampir digigit oleh anjing liar di Jalan 18/17, Taman Kanagapuram, Seksyen 18, Petaling Jaya. Anjing liar di Jalan 18/17 ini turut mengancam pelajar-pelajar sekolah berdekatan (Sekolah Rendah Kebangsaan Petaling 1 & 2). Sebelum berlakunya sebarang kecederaan, beliau memohon MBPJ untuk mengambil tindakan. Susulan daripada itu, operasi menangkap anjing liar di kawasan berkenaan telah dijalankan oleh Unit Kacau Ganggu, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Dan Persekitaran MBPJ pada 6 Mac 2023, 8.00 malam hingga 10.00 malam di mana sebanyak 6 ekor anjing liar berjaya ditangkap.

Pengadu yang sama sekali lagi membuat aduan pada 20 Mac 2023 di mana masih terdapat 6 hingga 8 ekor anjing liar yang masih berkeliaran di Jalan 18/17 dan dikhuatiri boleh mendatangkan kecederaan kerana musim persekolahan telah bermula. Menurut pengadu, anjing-anjing tersebut dijaga oleh seorang lelaki yang bekerja di Syarikat Perusahaan Jaksa Bersatu Sdn. Bhd., No. 7, Jalan 18/17. Sekali lagi operasi menangkap anjing liar di kawasan berkenaan dijalankan pada 22 Mac 2023, antara jam 8.00 malam hingga 10.00 malam di mana sebanyak 4 ekor anjing liar berjaya ditangkap. Untuk rekod, sepanjang tahun 2020 hingga Mac 2023, sebanyak 16 aduan anjing liar di kawasan Taman Kanagapuram, Seksyen 18, Petaling Jaya telah diterima oleh MBPJ dan disusuli dengan tindakan 12 kali operasi melibatkan 39 ekor anjing liar telah berjaya ditangkap.

Masalah gangguan anjing liar tidak boleh dipandang remeh dan perlu ditangani segera khususnya oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Selain daripada mengganggu ketenteraman awam dengan bunyi bising apabila sering bergaduh dan menyalak pada waktu malam, membuang najis merata-rata dan menyelongkar tong sampah untuk mencari makanan hingga mengotorkan kawasan persekitaran, anjing liar juga boleh mengancam keselamatan dan kesihatan orang awam terutama kanak-kanak. Selain daripada kucing liar, kelawar dan monyet, anjing liar merupakan agen utama pembawa Virus Rabies atau Anjing Gila. Gigitan anjing liar yang dijangkiti Virus Rabies kepada manusia boleh menyebabkan penyakit sistem saraf (neurologi) kronik yang boleh membawa maut kerana virus ini akan menyerang otot, sekali gus menyukarkan penafasan dan menjejaskan fungsi otak. Oleh yang demikian, operasi penangkapan anjing liar perlu segera dilaksanakan oleh PBT sebagai langkah berjaga-jaga membendung jangkitan Virus Rabies atau Anjing Gila sebelum merebak menjadi wabak penyakit yang sukar dikawal.

Berhubung dengan operasi menangkap anjing liar yang dijalankan pada 22 Mac 2023, telah tular keratan video di media sosial berkaitan insiden kekasaran dan pergelutan melibatkan anggota MBPJ dengan orang awam. MBPJ telah menyerahkan kes ini dengan serta merta kepada pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) untuk siasatan yang lebih telus dan MBPJ tidak akan melindungi anggota terlibat dari sebarang salah laku.

Berdasarkan maklum balas rasmi Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya bertarikh 9 April 2023, satu laporan polis telah dibuat oleh pengadu bernama Patrick Khoo Kian Wui pada 24 Mac 2023 mendakwa anggota MBPJ telah mencederakan pengadu semasa tangkapan anjing liar pada 22 Mac 2023. Satu kertas siasatan telah dibuka oleh Pegawai Penyiasat di bawah Seksyen 324/186 Kanun Keseksaan. Pada 29 Mac 2023 kertas siasatan telah dirujuk kepada YA Timbalan Pendakwa Raya Selangor dan arahan tuduh Patrick Khoo Kian Wui di bawah Seksyen 186 Kanun Keseksaan kerana menghalang anggota MBPJ daripada menjalankan tugasnya iaitu menangkap anjing liar yang dilaporkan oleh orang awam. Pengadu telah dituduh pada 31 Mac 2023

di Mahkamah Petaling Jaya. Manakala, tiada pertuduhan terhadap anggota MBPJ kerana alat penangkap anjing terkena muka pengadu dengan tidak sengaja semasa pergelutan berlaku.

Selain daripada menyerahkan kes ini kepada pihak Polis DiRaja Malaysia untuk disiasat dan diambil tindakan mengikut Undang-Undang, MBPJ turut membuat siasatan dalaman dan jawatankuasa siasatan dalaman membuat pengesyoran untuk menambahbaik tatacara dan kaedah melaksanakan operasi menangkap anjing liar dengan cara pengenalan kepada tahap risiko sesuatu operasi bagi menentukan kaedah operasi yang akan dilaksanakan. Operasi dengan risiko yang rendah menetapkan kakitangan yang menjalankan operasi hendaklah dipasang kamera badan (bodycam), gambar semasa operasi akan diambil untuk rekod oleh pegawai atasan kakitangan berkenaan dan bagi tahap risiko tinggi akan dijalankan secara bersepadu bersama pihak Polis. Bagi memastikan proses menangkap anjing liar ini lebih telus, MBPJ akan turut menjemput wakil NGO dan persatuan penduduk bersama-sama semasa operasi.

**Dikeluarkan oleh.**

**Sekretariat Media  
Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),  
emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

# KENYATAAN AKHBAR

BIL :

**Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (22)**

**Tarikh: 8 April 2023**

## **MBPJ BERI SUMBANGAN KEPADA 150 ANAK-ANAK YATIM DAN 60 KELUARGA MISKIN BANDAR**

Bersempena dengan sambutan bulan Ramadhan tahun ini, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dengan kerjasama Suria FM menganjurkan **MAJLIS PICNIC IFTAR RAMADAN MBPJ X SURIA** bertempat di Laman MBPJ Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya.

Penganjuran program ini merupakan inisiatif untuk meraikan komuniti Petaling Jaya khususnya yang beragama Islam untuk mengimarahkan lagi ibadah di bulan Ramadhan di samping mengeratkan hubungan silaturrahim antara Majlis dengan masyarakat setempat dan juga orang awam. Pada masa sama, ianya bertujuan untuk meraikan golongan berkenaan disamping mengambil peluang melaksanakan aktiviti-aktiviti kebajikan dalam bulan Ramadhan ini.

Antara aktiviti yang diadakan ialah Majlis Berbuka Puasa Bersama Komuniti dan Kakitangan MBPJ, sesi penyerahan 1000 bekas bubur lambur oleh Suria FM kepada orang awam, solat Maghrib & Isyak serta Tarawih secara berjemaah, qasidah (sewaktu menanti waktu berbuka), tazkirah Ramadhan dan juga persembahan daripada artis jemputan kumpulan nasyid Inteam dan juga penyampai radio suria fm.

Dalam pada itu, prihatin dengan golongan kurang bernasib baik di Petaling Jaya, MBPJ turut menyampaikan Sumbangan Aidilfitri kepada 150 orang anak-anak yatim dari kalangan penduduk dan anak kakitangan MBPJ. Sumbangan diberi adalah berbentuk wang tunai berjumlah RM 150.00 dan peralatan sekolah seperti beg, alat tulis serta biskut raya.



Di majlis sama, MBPJ juga akan menyampaikan sumbangan kepada kepada 60 buah keluarga golongan B40 dan miskin bandar yang berdaftar dengan eKasih dimana pendapatannya RM 2,029.00 ke bawah berdasarkan kepada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Negeri Selangor 2019 terutamanya dalam kalangan ibu tunggal, warga emas, dan keluarga yang mempunyai tanggungan anak ramai untuk menyambut sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini.

Setiap keluarga akan menerima bantuan wang tunai berjumlah RM 250.00 beserta biskut raya. Untuk makluman, biskut raya yang disumbangkan ini dibuat sendiri oleh 4 orang peserta Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB). Mereka ini telah mengikuti bengkel pembuatan kuih / biskut bagi tujuan peningkatan kemahiran untuk menjana pendapatan tambahan mereka. Untuk makluman, penganjuran majlis seumpama ini tidak lain tidak bukan ianya merupakan program tahunan dan juga sebahagian tanggungjawab sosial korporat MBPJ dalam menyalurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan sejajar dengan agenda Bandaraya Pintar, Mampan dan Berdaya Tahan @ PJSSR 2030, di bawah thematic 'Inclusive City' yang mengambilkira keperluan dan penglibatan semua golongan atau peringkat masyarakat.

Program ini merupakan kali kedua diadakan setelah penganjuran Majlis Iftar Ramadhan, Petaling Jaya Bertarawih yang telah dihadiri 1,000 orang pengunjung pada tahun lalu.

**Dikeluarkan oleh.**

**Sekretariat Media  
Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),  
emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جاي

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

# KENYATAAN AKHBAR

BIL :

**Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (24)**

**Tarikh: 12 April 2023**

## **PROGRAM RAMADHAN SIHAT PEMBERIAN BUBUR LAMBUK KEPADA KOMUNITI PETALING JAYA**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya dengan usaha sama Hospital Assunta terus mengimarahkan bulan Ramadan dengan Program Ramadan Sihat Pemberian Bubur Lambuk kepada komuniti Petaling Jaya pada 12 April 2023.

Sebanyak 1000 pek bubur lambuk telah diagihkan kepada orang ramai secara pandu lalu (*drive-thru*) di Laman MBPJ, Kota Seni.

Bubur lambuk merupakan juadah tradisi yang digemari ramai sepanjang bulan Ramadhan. Ia juga merupakan makanan yang sihat, rendah kalori dan mudah dicerna oleh tubuh badan. Selain mempunyai khasiat yang tinggi, bubur lambuk juga mengandungi isipadu air yang tinggi berbanding dengan sajian lain dan ini akan memberikan penghidratan yang cukup selepas 12 jam berpuasa.

Majlis menggalakkan agar orang ramai berbuka puasa dengan amalan pemakanan yang sihat dan sederhana. Program ini juga selaras dengan hasrat MBPJ untuk mewujudkan kesihatan, kesejahteraan dan keharmonian yang tinggi di komuniti Petaling Jaya.

Bersempena program ini, 500 unit bekas makanan turut diberikan secara percuma kepada orang ramai untuk menggalakkan penggunaan bekas bagi mengurangkan penggunaan polisterina serta beg plastik. Sebanyak 1000 unit bekas makanan telah diedarkan di 20 bazar Ramadan sehingga kini dengan hasrat melestarikan alam sekitar

Agensi kerajaan dan anggota beruniform termasuk PDRM, Bomba dan Penyelamat, AADK, Skuad Pantas, turut dijemput hadir bagi memeriahkan aktiviti tradisi ini. Sememangnya MBPJ sentiasa menghargai segala usaha dan kerjasama yang telah dilaksanakan oleh agensi dan pasukan badan beruniform berkenaan kerana mereka merupakan petugas barisan hadapan yang rata-ratanya masih perlu bertugas ketika musim perayaan.

**Dikeluarkan oleh.**

**Sekretariat Media  
Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),  
emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my)



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

# KENYATAAN AKHBAR

BIL :

**Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (25)**

**Tarikh: 14 April 2023**

## **MBPJ LANCAR PROGRAM JALINAN KASIH 3R PJKITA BERSEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2023**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah melaksanakan Program Jalinan Kasih 3R PJKita. Objektif program ini adalah untuk mengurangkan sisa sampah yang terjana daripada dibuang terus ke tapak pelupusan sampah. Inisiatif ini adalah rentetan daripada kesan penduduk di Petaling Jaya yang menghasilkan 600 tan sampah setiap hari.

Sejak dari tahun 2019 sebanyak 20 keluarga daripada golongan miskin dan B40 yang memerlukan telah menerima sumbangan barangan terpakai hasil daripada kutipan Program Spring Cleaning yang telah diadakan pada setiap musim perayaan utama Malaysia. Kebanyakan barangan *bulky waste* yang diterima daripada program tersebut adalah masih dalam keadaan baik untuk digunakan.

Jabatan Pembangunan Masyarakat MBPJ dan Ahli-Ahli Majlis telah mengenal pasti 11 keluarga yang memerlukan bertujuan untuk menerima sumbangan barangan terpakai seperti pakaian dan perabot terpakai bersempena dengan Hari Raya Aidilfitri.

Untuk makluman, terdapat sebanyak 12 jenis barangan yang boleh dikitar semula atau digunakan semula diterima di ruangan *drop-off* PJ Eco Recycling Plaza seperti mainan, majalah atau novel, alat tulis dan ini juga termasuklah pakaian terpakai. Pada tahun lepas, sebanyak 11,657 kg pakaian terpakai telah diterima.

Bagi barangan perabot dan barangan elektrik terpakai pula sebanyak 742 Unit yang telah diterima pada Program Spring Cleaning tahun lepas yang dianggarkan seberat 17,713 kg. Dengan adanya penerimaan barangan terpakai ini, punca pendapatan PJ Eco Recycling Plaza juga turut terjana melalui jualan harga berpatutan yang dilaksanakan di Ruangan EcoShop. Bersempena dengan Hari Raya Aidilfitri yang menjelang tiba, Jualan Flea Market EcoShop diadakan di perkarangan Parkir PJ Eco Recycling Plaza bermula 14 hingga 16 April 2023.

**Dikeluarkan oleh.**

**Sekretariat Media  
Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),  
emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695







مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : [aduan@mbpj.gov.my](mailto:aduan@mbpj.gov.my) Laman web : [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my)

# KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami : MBPJ.UKK.100-9/1/1 (27)

Tarikh : 13 APRIL 2023

## STATUS PELAKSANAAN PENUTUPAN JALAN/SIMPANG LALUAN KONTRA BERMASA DI JALAN TEMPLER – JALAN GASING / JALAN OTHMAN – JALAN TEMPLER – NPE

Dimaklumkan bahawa Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah membuat penutupan jalan/simpang semasa pelaksanaan laluan kontra bermasa pada 1 Mac 2023 lalu bermula pada pukul 5.00 petang hingga 7.30 malam.

Antara jalan/simpang terlibat ialah Persimpangan Jalan Othman – Jalan Templer, Persimpangan Jalan Gasing – Jalan Templer, Persimpangan Jalan Templer – Jalan 6/29 dan setiap bukaan median di Jalan Templer.

Penutupan jalan/persimpangan ini di buat semasa perlaksanaan laluan kontra sahaja untuk tempoh percubaan selama 3 bulan. Majlis akan mula mengaktifkan laluan kontra ini bermula pada pukul 5.00 petang sehingga pukul 7.30 malam setiap hari kecuali sabtu, ahad, cuti umum dan ketika hujan.

Berdasarkan daripada tempoh percubaan tersebut, Majlis telah membuat keputusan untuk tidak meneruskan penutupan jalan/simpang di persimpangan jalan templer – jalan gasing – jalan Othman dan penutupan median di jalan templer. Penutupan ini akan ditamatkan pada 19 April 2023 dan laluan kontra tanpa penutupan simpang akan dilaksanakan berkuatkuasa pada 2 Mei 2023.

Para pengguna jalan raya dinasihatkan supaya memandu berhati-hati dan mematuhi papantanda isyarat yang disediakan di lokasi. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut sila hubungi Unit Lalulintas, Jabatan Kejuruteraan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya di talian 03-79584221 atau e-mel [jabatankejuruteraan@mbpj.gov.my](mailto:jabatankejuruteraan@mbpj.gov.my).



Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media**  
**Unit Komunikasi Korporat**  
**Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),  
emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695